



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

JPJeBid MOBILE : APLIKASI BAHARU BAGI BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN

PUTRAJAYA, 17 FEBRUARI 2025 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia akan memperkenalkan saluran tambahan bagi bidaan nombor pendaftaran kenderaan iaitu **JPJeBid Mobile** yang akan dimulakan secara ujian rintis (*pilot test*) bermula **18 Februari 2025**.

Pembangunan aplikasi JPJeBid Mobile akan menggunakan teknologi mudah alih terkini untuk memastikan platform yang disediakan lebih kukuh dan cekap dalam menangani isu aksesibiliti terhad Sistem JPJeBid sedia ada.

Aplikasi JPJeBid Mobile dilengkapi dengan **fungsi baharu** seperti berikut :

- i. **Seamless** - Ciri-ciri inovatif yang bertujuan untuk mengubah cara pengguna menyertai dan menguruskan bidaan dengan proses bidaan yang lebih lancar, cekap dan mencapai kepuasan perkhidmatan.
- ii. **Mesra pengguna** – Reka bentuk antara muka yang intuitif menjadikan proses bidaan lebih mudah diakses.
- iii. **Navigasi** – Meningkatkan pengalaman pengguna (*user experience*) agar lebih menyeronokkan dan mudah difahami.
- iv. **Notifikasi** – Pengemaskinian notifikasi bagi memastikan pengguna sentiasa mendapat maklumat terkini.
- v. **Paparan Siri Akan Datang** – Menu baharu yang akan memaparkan siri-siri akan datang dimana sebelum ini maklumat/notifikasi dihantar melalui e-mel pengguna pada setiap minggu.
- vi. **Ciri-ciri personalisasi** – Pengguna boleh kemaskini profil dengan memuat naik gambar, status semasa bidaan, pengurusan akaun yang membolehkan pengguna menjejaki dan mengurus bidaan mereka dengan lebih berkesan.

Pengguna JPJeBid boleh muat turun aplikasi JPJeBid Mobile menerusi *Apple AppStore*, *Google PlayStore* atau *Huawei AppGallery* dan log masuk menggunakan akaun JPJeBid sedia ada anda. Sepanjang tempoh ujian rintis ini, saluran bidaan nombor pendaftaran kenderaan sedia ada iaitu Portal JPJeBid - <https://jpjebid.jpj.gov.my/ebid/> dan aplikasi JPJeBid masih boleh digunakan seperti biasa oleh para pengguna.

Bagi memastikan aplikasi JPJeBid Mobile ini memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan, pihak JPJ Malaysia akan melaksanakan kaji selidik secara dalam talian bermula 18 Februari 2025 melalui peti masuk akaun pengguna JPJeBid secara berperingkat. Maklum balas daripada pengguna JPJeBid sepanjang tempoh ujian rintis amatlah penting bagi tujuan penambahbaikan aplikasi JPJeBid Mobile.

Pihak JPJ menghargai sokongan daripada semua pihak dalam pelaksanaan ujian rintis aplikasi JPJeBid Mobile dan menyeru orang awam bersama-sama pihak Kerajaan dalam merealisasikan penyampaian perkhidmatan JPJ yang lebih cekap secara digital.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
17 FEBRUARI 2025**

[TAMAT]

